

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK IKMAL HISHAM BIN
ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

**TARIKH : 13.11.2014
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sejauh manakah keberkesanan Program Latihan Khidmat Negara dan setakat ini berapa ramaikah yang sudah menjalani latihan itu sejak ia diperkenalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan objektif Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) tercapai, penilaian *outcome* keberkesanan latihan PLKN dilaksanakan secara berterusan melalui Kajian Persepsi Pelatih yang dijalankan ke atas setiap kumpulan. Pencapaian melebihi 80% adalah merupakan penanda aras kejayaan program ini. Berdasarkan lain-lain purata pencapaian program dari tahun 2004 sehingga 2010 dalam meningkatkan semangat patriotisme adalah sebanyak 87.05%, kesukarelaan dengan 85.56%, peningkatan jati diri pelatih sebanyak 91.19%, mengukuhkan integrasi kaum sesama pelatih, 89.29% dan lain-lain faedah berdasarkan objektif pelaksanaan PLKN adalah 87.63%.

Kajian penilaian keberkesanan pelaksanaan PLKN juga telah diadakan dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2010 yang melibatkan 61,950 responden. Tujuan kajian ialah untuk mengenalpasti pencapaian semangat kesukarelaan, pembentukan remaja yang cergas, cerdas dan berkeyakinan diri. Kajian telah menunjukkan bahawa lebih 80% daripada jumlah responden yang terdiri dari kalangan alumni, ibu bapa dan majikan bersetuju bahawa PLKN telah berjaya membawa perubahan positif kepada pelatih.

Selain daripada itu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) juga telah melaksanakan Kajian Impak Nilai Patriotisme Siswa Bekas Pelatih PLKN Negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia pada tahun 2013. Kajian melibatkan 3,787 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang pernah menyertai PLKN, ibu bapa bekas pelatih, pemimpin masyarakat dan pelaksana PLKN. Hasil kajian ini juga telah menunjukkan maklum balas yang positif dalam semua aspek yang dinilai, khususnya berkaitan semangat patriotisme dikalangan bekas pelatih PLKN. Terkini, Jabatan sedang berbincang dengan sebuah universiti awam untuk memantapkan methodologi dan terma-terma kajian keberkesanan PLKN.

Setakat ini seramai 832,280 pelatih telah menjalani Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2004.